



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SABTU, 18 OKTOBER 2025





# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



18/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<b>MERASMIKAN OYAGSB BIG TULIP SUMMIT 2025</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://umno-online.my/2025/10/17/merasmikan-oyagsb-big-tulip-summit-2025/">https://umno-online.my/2025/10/17/merasmikan-oyagsb-big-tulip-summit-2025/</a>	UMNO-ONLINE.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	<b>NATIONAL WPS ACTION PLAN BOOSTS WOMEN'S ROLE IN NATIONAL DEVELOPMENT - NURUL IZZAH</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://bernama.com/en/news.php/sports/world/news.php?id=2466354">https://bernama.com/en/news.php/sports/world/news.php?id=2466354</a>	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	<b>SELANGOR PLEDGES COUNSELLING FOR STUDENTS IN SCHOOL STRUCK BY BANDAR UTAMA STABBING TRAGEDY AS ATTENDANCE PLUMMETS</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/10/17/selangor-pledges-counselling-for-students-in-school-struck-by-bandar-utama-stabbing-tragedy-as-attendance-plummets/194997">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/10/17/selangor-pledges-counselling-for-students-in-school-struck-by-bandar-utama-stabbing-tragedy-as-attendance-plummets/194997</a>	MALAYMAIL.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	<b>IBU BAPA PERLU MAIN PERANAN AKTIF BENDUNG BUDAYA BULI</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/sukan/senarai-berita-sukan/senarai-artikel/ibu-bapa-perlu-main-peranan-aktif-bendung-budaya-buli">https://berita.rtm.gov.my/sukan/senarai-berita-sukan/senarai-artikel/ibu-bapa-perlu-main-peranan-aktif-bendung-budaya-buli</a>	BERITA.RTM.GOV.MY	



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



18/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	<b>SELANGOR BERJAYA NOKTAHKAN KEMISKINAN TEGAR - AMIRUDIN</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php/news.php?id=2480215">https://www.bernama.com/bm/news.php/news.php?id=2480215</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/753022/edisi/selangor-kl/selangor-berjaya-noktahkan-kemiskinan-tegar---amirudin">https://www.sinarharian.com.my/article/753022/edisi/selangor-kl/selangor-berjaya-noktahkan-kemiskinan-tegar---amirudin</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php/general/news.php?id=2480220">https://www.bernama.com/en/news.php/general/news.php?id=2480220</a>	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	<b>'CIKGU MATEMATIK AMBIL ALIH TUGAS DR.?'</b>		<b>NEUTRAL</b>
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/10/17/cikgu-matematik-ambil-alih-tugas-dr/">https://www.kosmo.com.my/2025/10/17/cikgu-matematik-ambil-alih-tugas-dr/</a>	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	<b>POLIS SAHKAN TERIMA LAPORAN MURID TAHUN SATU CEDERA DIPUKUL RAKAN SEKOLAH DI SHAH ALAM</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1460136/polis-sahkan-terima-laporan-murid-tahun-satu-cedera-dipukul-rakan">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1460136/polis-sahkan-terima-laporan-murid-tahun-satu-cedera-dipukul-rakan</a>	BHARIAN.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



18/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	<b>DOKTOR DIDAKWA CABUL DAN AIBKAN DUA PESAKIT WARGA ASING</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/doktor-didakwa-cabul-dan-aibkan-dua-pesakit-warga-asing">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/doktor-didakwa-cabul-dan-aibkan-dua-pesakit-warga-asing</a>	BERITA.RTM.GOV.MY	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1276812/doktor-mengaku-tidak-bersalah-empat-tuduhan-cabul-aibkan-wanita-warga-asing">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1276812/doktor-mengaku-tidak-bersalah-empat-tuduhan-cabul-aibkan-wanita-warga-asing</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/752933/berita/semasa/doktor-hpp-mengaku-tidak-bersalah-aib-cabul-pesakit-wanita">https://www.sinarharian.com.my/article/752933/berita/semasa/doktor-hpp-mengaku-tidak-bersalah-aib-cabul-pesakit-wanita</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2025/10/17/doktor-hpp-mengaku-tidak-bersalah-empat-pertuduhan-cabul-aibkan-dua-wanita/">https://malaysiagazette.com/2025/10/17/doktor-hpp-mengaku-tidak-bersalah-empat-pertuduhan-cabul-aibkan-dua-wanita/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/doktor-mengaku-tidak-bersalah-empat-tuduhan-cabul-aibkan-wanita-warga-asing-543369">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/doktor-mengaku-tidak-bersalah-empat-tuduhan-cabul-aibkan-wanita-warga-asing-543369</a>	ASTROAWANI.COM	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/doktor-didakwa-aibkan-cabul-pesakit-wanita/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/doktor-didakwa-aibkan-cabul-pesakit-wanita/</a>	UTUSAN.COM.MY	
	<a href="https://bernama.com/bm/news.php?id=2479955">https://bernama.com/bm/news.php?id=2479955</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/10/17/doktor-mengaku-tidak-bersalah-empat-pertuduhan-cabul-aibkan-pesakit-wanita/">https://www.tvsarawak.my/2025/10/17/doktor-mengaku-tidak-bersalah-empat-pertuduhan-cabul-aibkan-pesakit-wanita/</a>	TVSARAWAK.MY	
	<a href="https://thesun.my/cerita/berita/doktor-tidak-mengaku-bersalah-empat-tuduhan-cabul-dan-aib-wanita-KE15115942">https://thesun.my/cerita/berita/doktor-tidak-mengaku-bersalah-empat-tuduhan-cabul-dan-aib-wanita-KE15115942</a>	THESUN.MY	
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/10/17/doctor-pleads-not-guilty-to-molestation-and-indecent-assault-charges-involving-two-women-in-penang/194958">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/10/17/doctor-pleads-not-guilty-to-molestation-and-indecent-assault-charges-involving-two-women-in-penang/194958</a>	MALAYMAIL.COM	
	<a href="https://www.nst.com.my/news/regional/2025/10/1296544/penang-doctor-claims-trial-four-charges-molesting-insulting-patients">https://www.nst.com.my/news/regional/2025/10/1296544/penang-doctor-claims-trial-four-charges-molesting-insulting-patients</a>	NST.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



18/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	<b>PEMBANTU KEDAI MAKAN DIDAKWA 'TINDIH BADAN' ADIK IPAR</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/pembantu-kedai-makan-didakwa-tindih-badan-adik-ipar/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/pembantu-kedai-makan-didakwa-tindih-badan-adik-ipar/</a>	UTUSAN.COM.MY	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/10/17/pemuda-didakwa-tindih-adik-ipar/">https://www.kosmo.com.my/2025/10/17/pemuda-didakwa-tindih-adik-ipar/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2025/10/17/lelaki-nafi-cabul-adik-ipar/">https://malaysiagazette.com/2025/10/17/lelaki-nafi-cabul-adik-ipar/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	<b>ABUYA MIANG DIDAKWA LAGI</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/10/17/abuya-miang-didakwa-lagi/">https://www.kosmo.com.my/2025/10/17/abuya-miang-didakwa-lagi/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/abuya-tidak-mengaku-amang-seksual-seks-luar-tabii-pelajar-lelaki/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/abuya-tidak-mengaku-amang-seksual-seks-luar-tabii-pelajar-lelaki/</a>	UTUSAN.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Merasmikan OYAGSB Big Tulip Summit 2025

17 October 2025

Berita Bergambar



KUALA LUMPUR 16 Okt –Timbalan Menteri Datuk Seri Dr Noreini Ahmad merasmikan OYAGSB Big Tulip Summit 2025 anjuran Ofthman.Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB), Universiti Utara Malaysia (UUM). Saya amat menghargai usaha dan kepimpinan berterusan pihak OYAGSB dalam memperjuangkan agenda pemberdayaan dan kepimpinan wanita, khususnya melalui platform yang menggalakkan perbincangan kritikal seperti ini.



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## National WPS Action Plan Boosts Women's Role In National Development – Nurul Izzah

🕒 11/09/2025 02:52 PM



KUALA LUMPUR, Sept 11 (Bernama) -- The National Action Plan on Women, Peace and Security (WPS) 2025–2030, launched last Tuesday, is an important step in strengthening the role of women as pillars of peace, security, and national development, said Nurul Izzah Anwar.

The executive chairman of think tank Polity said the plan, launched by the Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM), also underscores Malaysia's commitment to United Nations Security Council (UNSC) Resolution 1325.

"Moreover, it sends the message that women's voices, leadership, and protection are central to building peace and ensuring inclusive and sustainable national development.

"The four main pillars of this plan — perspective, prevention, participation, and protection — provide a clear framework to translate the WPS agenda into tangible results that impact the lives of ordinary citizens," she said in a statement today.

Nurul Izzah said the real challenge lies in the implementation of the action plan, noting that efforts to build peace cannot remain merely as policies on paper, but must be brought to life within households, neighbourhoods, and communities.

"Only in this way can we safeguard the region's future from conflict, crises, and ongoing threats to our security," she added.

She said this matter will be among the key focuses at the Southeast Asia Women Leadership Conference 2025: WPS, organised by Polity on Sept 30, which will feature regional voices such as Dwi Rubiyanti Kholifah, Prof Tan Sri Jemilah Mahmood and Dr Amina Rasul-Bernardo.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Selangor pledges counselling for students in school struck by Bandar Utama stabbing tragedy as attendance plummets



Selangor Women's Development and Community Welfare Exco Anfaal Saari speaks to reporters at the wake of the late Yap Shing Xuen at Nirvana 2, Kuala Lumpur today. — Picture by Firdaus Latif.

By Ida Lim

Friday, 17 Oct 2025 7:36 PM MYT

**KUALA LUMPUR, Oct 17** — The Selangor state government will provide counselling aid to students of the Bandar Utama secondary school, as they have faced trauma after their 16-year-old schoolmate Yap Shing Xuen was fatally stabbed there.

Selangor State Exco for Women Development and Social Welfare, Anfaal Saari, confirmed that counselling support will be provided for students at the school, to help them deal with the trauma.

"Yes, with the state education department, we have identified that the school has responsibility to ensure post-trauma, so regarding psychosocial help, YB Jamaliah's office will also provide assistance, counsellors and so on to help students.

"Because according to records, although the school's total number of students is over 1,000, those who attended was 300 only. This shows how much the trauma had impacted the school's students and parents' worry in sending their children to the same school," she told reporters when met at Nirvana Center Kuala Lumpur.

Anfaal, who was here to pay her last respects to Yap, was referring to Selangor state exco for public health and environment, Jamaliah Jamaluddin.

Asked whether counselling will be provided to parents in the school, she said the Selangor state government would work with the education department to identify a suitable outlet or avenue to handle this matter together.

Asked whether the elder brother of the suspect in the Bandar Utama school stabbing case would be given counselling, she said it is too early to comment and left it to the police to carry out further investigations and to give any advice to the suspect's family.

Referring to the Selangor state executive council's meeting today, she said the Selangor state government had agreed to ensure the safety of children in schools, with cooperation covering aspects such as education, security, mental health and children's welfare.

"Among matters that are important is the process for us to build a safe space, for children to have a safe space to share their concerns," said the chair of Selangor's Standing Committee for Women and Family Empowerment, Social Welfare, and Care Economy.

She noted that children now face the dangers of social media and unlimited internet access, and that games may trigger violence and affect their mental health.

"And my biggest worry is that these children do not have a space to share what troubles them, and also the coping mechanism that they have to face," she said.

She said this is why the Selangor state government would hold a townhall-like meeting to reassure the parents and students of the school in the Bandar Utama tragedy, and to stand in solidarity with the school's administrators.

She said Jamaliah's office and the Selangor menteri besar's office are expected to provide further details of this meeting.

"To me, the most important thing is how we face this together and that we prevent this tragic incident from happening again," she said.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Ibu bapa perlu main peranan aktif bendung budaya buli

Sukan - Dicipta: 17 Oktober 2025 02:57 PM



Sesi Townhall Antibuli Peringkat Negeri Sarawak di Kuching

**KUCHING, 17 Oktober** - Usaha membanteras gejala buli yang semakin membimbangkan di negara ini memerlukan kerjasama menyeluruh daripada semua pihak termasuk penjawat awam, institusi pendidikan, keluarga dan komuniti setempat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), M. Kulasegaran, menegaskan bahawa tanggungjawab membendung perbuatan buli tidak seharusnya diletakkan sepenuhnya di bahu pihak sekolah atau kerajaan semata-mata, sebaliknya memerlukan penglibatan aktif ibu bapa dan masyarakat.

"Saya fikir ibu bapa memainkan peranan penting. Mereka perlu memantau dan terlibat dalam aktiviti harian anak-anak. Ramai dalam kalangan kita terlalu sibuk bekerja. Ada yang kedua-dua ibu bapa bekerja atau ibu tunggal lalu menyerahkan sepenuhnya kepada sekolah untuk mendidik dan mengawasi anak-anak," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menghadiri Sesi Townhall Antibuli Peringkat Negeri Sarawak di Kuching, hari ini.

Menurut beliau, pendidikan awal di rumah merupakan asas penting dalam membentuk sahsiah dan empati anak-anak agar mereka memahami bahawa perbuatan seperti memukul, mengejek atau menyakiti rakan lain adalah salah dan tidak boleh diterima.

Dalam masa sama, beliau turut menyokong usaha memperkukuh nilai moral dan keagamaan dalam kurikulum sekolah sebagai langkah mendidik pelajar mengenai kesan dan implikasi buli terhadap mangsa serta masyarakat.

Kulasegaran berharap pendekatan menyeluruh yang melibatkan semua pihak termasuk ibu bapa, guru, dan agensi kerajaan dapat membantu menghapuskan budaya buli serta mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih selamat dan berperikemanusiaan.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Selangor Berjaya Noktahkan Kemiskinan Tegar - Amirudin

🕒 17/10/2025 11:02 PM



KLANG, 17 Okt (Bernama) -- Kerajaan Selangor berjaya menoktahkan kemiskinan tegar di negeri itu menerusi langkah proaktif dengan mengenal pasti segera mereka yang dibelenggu permasalahan tersebut

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari berkata senarai mereka yang terlibat akan dikemukakan kepada pihaknya setiap enam bulan dan dihubungkan terus dengan instrumen bantuan seperti Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (Bingkas) serta zakat.

"Banyak juga yang kerajaan negeri belanjakan untuk menoktahkan kemiskinan tegar ini tetapi dari awal dahulu kita telah kenal pasti 700 individu dan ia berkurang kepada 300 orang.

"...ini melibatkan bantuan kewangan, ada yang memerlukan RM400 kita tambah dengan wang zakat dan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk orang Islam manakala bagi bukan Islam sudah pasti ada bantuan daripada kerajaan negeri dan JKM," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri Majlis Sambutan Deepavali Peringkat Negeri Selangor 2025 di sini hari ini.

Amirudin berkata fokus pentadbirannya kini tertumpu kepada usaha menoktahkan kemiskinan di Selangor menerusi kaedah yang telah dirancang dan akan dibentangkan pada Belanjawan Selangor 2026 nanti.

Beliau berkata menerusi Mesyuarat Tindakan Pembangunan Negeri terdapat hampir 2,000 individu yang berada di ambang kemiskinan tegar akibat terlantar atau berdepan dengan permasalahan yang menekan.

"Walaupun mereka ini belum jatuh ke kategori miskin tegar kita akan cuba bantu untuk selesaikan masalah supaya tidak masuk ke dalam kategori tersebut seterusnya keluar daripada kemiskinan, sebab itu kita akan formulakan sesuatu pada belanjawan.

"Disiplinnya sama, setiap enam bulan kita dapat laporan kita akan keluarkan mereka dengan sokongan bantuan yang ada dan bagi miskin yang terlantar atau tak boleh bekerja kita akan cuba bantu sebelum jatuh ke miskin tegar atau paling tidak dapat menyara kehidupan secara paling asas," katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Gambar hiasan

## 'Cikgu Matematik ambil alih tugas Dr.?'

Oleh KDSMO | 17 Oktober 2025, 10:45 am

PETALING JAYA – Ibu bapa digesa supaya lebih peka dan tidak memandang ringan sekiranya anak-anak mengadu menjadi mangsa gangguan atau sentuhan tidak wajar oleh rakan atau cikgu di sekolah.

Seorang wanita menerusi hantaran di Facebook menekankan bahawa laporan awal daripada ibu bapa boleh menyelamatkan anak-anak daripada menjadi mangsa.

Menurutnya, ramai kes penderaan seksual di sekolah hanya terbongkar selepas mangsa berani bersuara berbulan atau bertahun kemudian akibat rasa takut dan malu.

"Jika anak mengadu disentuh, jangan terus menolak aduan mereka dengan alasan 'mungkin tersalah anggap'.

"Ibu bapa perlu tenang, dengar dengan empati, dan segera laporkan kepada pihak sekolah atau polis," katanya.

Menurut wanita itu, sebelum ini anak saudaranya pernah menjadi mangsa gangguan seksual guru lelaki di sekolah.

"Anak sedara lelaki, cikgu yang buat hal pun lelaki. Anak saudara kata cikgu pegang kemaluannya dengan alasan nak cek (semak) sama ada ada penyakit atau tidak. Cikgu matematik ambil alih tugas Dr. (dokter)?.

"Sila ajar anak-anak anda kawasan mana tak boleh disentuh meskipun cikgu tersebut antara individu yang dipercayai oleh anak-anak anda," pesannya.

Pengguna Facebook itu menambah, ibu bapa perlu membina kepercayaan agar anak-anak berani berkongsi pengalaman tidak selesa mereka tanpa rasa takut dimarahi atau dipersalahkan.

"Sentuhan yang tidak sepatutnya bukan isu kecil. Ia boleh meninggalkan trauma jangka panjang kepada mangsa, lebih-lebih lagi jika dilakukan oleh individu yang mereka hormati seperti guru," pesannya.

Menjengah di ruangan komen, ramai bersetuju bahawa langkah pencegahan awal perlu bermula dari rumah.

"Kalau saya anak, periksa badan anak, tanya apa yang berlaku di sekolah pada anak, tanya ada cikgu sentuh mana-mana. Dengan ibu bapa, anak akan bercerita kalau kita pandai mendekati anak-anak. Insyallah mereka akan cerita walaupun dipesan untuk diamkan," kata Azura.

"Anak bermasalah semya nak tunding guru, sedangkan masa dengan anak-anak pun ibu bapa tak sediakan. Siapa punya anak?," tegur Din. – KOSMO! ONLINE

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Polis sahkan terima laporan murid Tahun Satu cedera dipukul rakan sekolah di Shah Alam

Oleh **Ruwaida Md Zain** - Oktober 17, 2025 @ 1:44pm



Gambar hiasan

SHAH ALAM: Polis mengesahkan menerima laporan kejadian seorang murid Tahun Satu cedera dipukul dua murid Tahun Tiga yang berlaku di kantin Sekolah Seksyen 32 di sini dua hari lalu.

Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Mohd Iqbal Ibrahim, berkata pihaknya menerima satu laporan polis dibuat ibu mangsa pada jam 9.51 malam Rabu lalu.

Beliau berkata, dalam laporan itu menyebut mangsa dipukul ketika berada di kantin sekolah berkenaan kira-kira jam 3 petang, Rabu lalu.

"Mangsa kini di Hospital Shah Alam bagi menerima rawatan lanjut dan berada dalam keadaan stabil.

"Siasatan mendapati, murid berkenaan dipukul dua murid Tahun Tiga.

"Polis masih menyiasat punca kejadian dan kecederaan dialami mangsa," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan yang sabit kesalahan boleh dipenjarakan setahun dan denda RM2,000 atau kedua-duanya sekali.

"Mana-mana individu yang mempunyai maklumat lanjut mengenai kejadian boleh berhubung dengan pegawai penyiasat jenayah, Inspektor Nor Sabryna Mohammad Taha di talian 014-5130450," katanya.

Terdahulu, tular di media sosial seorang murid lelaki Tahun Satu di sebuah sekolah di Seksyen 32, di sini, mendapatkan rawatan di hospital selepas dipercayai menjadi mangsa buli kepada tiga murid Tahun Tiga ketika waktu rehat, Rabu lalu.

Bapa mangsa mendakwa, anaknya yang diugut akan dicekik oleh jika melawan, dipijak berkali-kali di perut, dada dan kaki, selain mulutnya ditekup oleh pelaku.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Doktor didakwa cabul dan aibkan dua pesakit warga asing

Jenayah - Dicipta: 17 Oktober 2025 03:24 PM



Tertuduh, Goon Hoong Tat, 43 tahun mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret George Town hari ini atas empat pertuduhan mengaibkan dan mencabul dua pesakit wanita warga asing

**GEORGE TOWN, 17 Oktober** - Seorang doktor dari Hospital Pulau Pinang (HPP) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret George Town hari ini atas empat pertuduhan mengaibkan dan mencabul dua pesakit wanita warga asing.

Tertuduh, Goon Hoong Tat, 43 tahun, membuat pengakuan itu di hadapan Majistret Nur Fadrina Zulkhairi.

Berdasarkan pertuduhan pertama dan ketiga, tertuduh yang bertugas sebagai pegawai perubatan didakwa mengarahkan pesakitnya membuka pakaian dan berlari dalam keadaan berbogel di kawasan pemeriksaan dengan niat mengaibkan mangsa.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Bilik Pemeriksaan Klinikal, Jabatan Forensik HPP, antara pukul 9.15 hingga 9.30 malam pada 20 Februari lalu.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda, atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Sementara itu, bagi pertuduhan berasingan, tertuduh turut didakwa mencabul kehormatan seorang pesakit dengan menyentuh dada mangsa, yang juga warga asing, di lokasi dan tarikh sama.

Kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun atau denda, atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Lau Shavin dan Siti Nur Farahin Ahmad, manakala tertuduh diwakili peguam N. Thishalini.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM10,500 dan menetapkan 27 November depan untuk sebutan semula kes.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Pembantu kedai makan didakwa 'tindih badan' adik ipar



TERTUDUH diiringi anggota polis ketika dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, Alor Gajah, Melaka atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal. - UTUSAN/MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI

Oleh AHMAD SHAHIZAM TAZALI 17 Oktober 2025, 2:55 pm

ALOR GAJAH: Seorang pembantu kedai makan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap adik iparnya yang berusia 14 tahun, Ahad lalu.

Tertuduh yang berusia 24 tahun membuat pengakuan itu sejurus pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Aiza Khairuddin.

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh didakwa telah melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang kanak-kanak perempuan berusia 14 tahun dengan cara menindih badannya ke atas badan mangsa.

Kesalahan itu dilakukan kira-kira pukul 6.30 pagi di sebuah rumah di Kampung Solok Mangga, Tanjung Bidara dalam daerah Alor Gajah pada 12 Oktober 2025.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan boleh juga dihukum sebat mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang boleh dihukum di bawah akta sama.

Timbalan Pendakwa Raya Muhamad Ali Hussain mencadangkan jaminan berjumlah RM30,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan perlu melapor diri di balai polis berhampiran pada setiap 17 hari bulan sehingga kes selesai dan dilarang mengganggu saksi pendakwaan.

Mahkamah membenarkan ikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan dipohon pendakwaan dan menetapkan 24 November ini untuk sebutan semula kes. - UTUSAN

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MOHAMAD Aswadi (tengah) didakwa di Mahkamah Sesyen Teluk Intan bagi tiga pertuduhan amang seksual fizikal dan seks luar tabii terhadap pelajar lelaki berusia 15 tahun.

## Abuya miang didakwa lagi

Gen ASLIJA MUSA | 17 October 2025, 11:35 am

TELUK INTAN – Selepas didakwa atas 15 pertuduhan amang seksual fizikal dan memiliki gambar lucah di dua mahkamah di Pantai Timur bulan lalu, bekas mudir sebuah madrasah di Tumpat, Kelantan sekali lagi dituduh hari ini atas tiga pertuduhan kesalahan seksual.

Tertuduh, Mohamad Aswadi Yah, 46, mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Norhamizah Shaiffuddin.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh yang dikenali sebagai Abuya itu didakwa melakukan persetubuhan bertentangan dengan aturan tabii tanpa kerelaan terhadap pelajar lelaki berusia 15 tahun.

Dia didakwa melakukan perbuatan itu di sebuah premis di Behrang dalam daerah Muallim pada pukul 11.45 malam, 28 Ogos 2024.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 377C Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Tertuduh yang telah berkahwin dan mempunyai empat orang anak itu turut didakwa di atas dua pertuduhan melakukan amang seksual fizikal tanpa kerelaan mangsa di lokasi, masa dan tarikh yang sama.

Pendakwaan ke atas tertuduh dikemukakan mengikut Seksyen 14 (a) dan Seksyen 14 (b) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Izzuddin Fakri Hamdan mencadangkan jaminan RM10,000 bagi setiap pertuduhan, dengan syarat tambahan tertuduh dilarang mengganggu mangsa dan saksi pendakwaan serta perlu melapor diri di balai polis setiap bulan.

Bagaimanapun, peguam bela, Muhammad Izzat Irfan Taib memohon jumlah jaminan minimum dikenakan ke atas anak guamnya atas alasan lelaki itu menanggung seorang isteri, empat anak dan seorang ibu berusia 70 tahun yang telah uzur.

Katanya, lelaki terbabit yang menghidap pelbagai penyakit termasuk tekanan darah rendah, sakit tulang belakang atau slip disc dan gastrik itu telah didakwa di beberapa mahkamah sebelum ini membabitkan jumlah jaminan sebanyak RM83,000.

"Sehingga hari ini, tertuduh telah didakwa dengan 15 pertuduhan membabitkan jaminan sebanyak RM83,000. Jumlah jaminan yang besar itu menjejaskan ekonomi keluarga tertuduh.

"Dengan rendah diri, kami memohon agar nilai wang jaminan dapat diberikan sering yang mungkin oleh pihak mahkamah," katanya.

Hakim Norhamizah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM10,000 dengan seorang penjamin bagi kesemua pertuduhan dan syarat tambahan yang dipohon pihak pendakwaan.

Mahkamah menetapkan 9 September depan untuk sebutan semula kes.

Untuk rekod, tertuduh sebelum ini didakwa di tiga mahkamah berasingan di Kelantan dan Terengganu untuk 15 pertuduhan melibatkan amang seksual dan memiliki bahan lucah sejak Jun 2024 sehingga Ogos lalu. - KOSMO! ONLINE